

# Naib Canselor UMS dilantik Panel

## Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan

DE 7.8.2014 6

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr Mohd Harun Abdullah merupakan salah seorang daripada 11 tokoh yang dilantik sebagai panel Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK) sesi 2014-2016 berkuat kuasa 1 Ogos lalu.

Watikah pelantikan panel majlis berkenaan disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Menteri Pendidikan di Putrajaya pada Selasa.

Menurut Mohd Harun, pelantikan tersebut dianggap sebagai satu kepercayaan daripada pihak kementerian kepada kelompok komuniti pribumi Sabah dalam membantu meningkatkan dasar pendidikan yang dilihat masih memerlukan tindakan praktikal.

"UMS akan berusaha untuk

mengutarakan isu-isu berkaitan pendidikan di negeri Sabah agar tidak wujud jurang berbezaan khususnya dalam konteks kebangsaan," katanya.

Beliau turut memberitahu bahawa jawatankuasa pemikir UMS sentiasa bersedia menyumbangkan idea demi memartabatkan bidang pendidikan di Malaysia.

"Di samping menyediakan kemudahan prasarana, adalah penting untuk kita melestarikan nilai patriotisme dengan memupuk kesedaran tanggungjawab aspirasi terhadap alam semulajadi," tambahnya.

Pelantikan Mohd Harun itu sekaligus mengangkat imej UMS apatah lagi beliau merupakan satu-satunya Naib Canselor Institusi Pengajian Tinggi Awam yang dilantik dalam majlis tersebut.